BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 02/06/09

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 22 Februari 2006

Perkembangan Monetari dan Kewangan Januari 2006
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Pertumbuhan dalam pembiayaan kepada sektor swasta kekal

Pembiayaan kepada sektor swasta berkekalan pada bulan Januari 2006, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.5%. Pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat 9% pada asas tahunan, dengan pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) naik 9% pada asas tahunan.

Sistem perbankan kekal teguh dengan paras pemodalan yang kukuh, dan kualiti aset yang terus stabil. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) meningkat kepada 13.6%, manakala nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan kekal pada 4.6%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 02/06/09

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 22 Februari 2006

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN JANUARI 2006

Pertumbuhan dalam pembiayaan kepada sektor swasta kekal

Pembiayaan kepada sektor swasta berkekalan pada bulan Januari 2006, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.5%. Pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat 9% pada asas tahunan, dengan pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) naik 9% pada asas tahunan.

Dana bersih yang diperoleh melalui pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) menjadi sederhana pada bulan Januari 2006. Meskipun dana bersih yang diperoleh lebih kecil, terbitan PDS tetap aktif dengan 16 syarikat memperoleh dana kasar berjumlah RM2.2 bilion, dan Cagamas Berhad memperoleh RM1 bilion.

Pada tempoh 3 Januari – 21 Februari 2006, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil, iaitu 2.98% - 3.01%, dan berpurata pada 3%. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain juga secara relatif stabil. Dari segi kadar runcit, kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan naik sedikit kepada 6.15%.

Pada awal tahun 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama tetapi menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau. Walau bagaimanapun, trend ini berubah pada bulan Februari, dan ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau.


Indeks Harga Pengguna (IHP) telah diasaskan semula kepada tahun 2005 daripada tahun 2000 sebelumnya, berikutan semakan kepada kumpulan barangan bagi IHP. Semakan ini dilakukan setiap lima tahun sekali untuk mencerminkan corak penggunaan semasa sektor isi rumah. Dengan menggunakan IHP berasaskan tahun 2005, inflasi teras ialah 3.2% pada bulan Januari 2006 berbanding dengan 3.3% pada bulan Disember 2005 (IHP bagi bulan Disember 2005 telah juga disemak berdasarkan kumpulan barangan IHP yang baru).

Wang secara luas atau M3, mengembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan, iaitu 7.8% manakala wang secara kecil atau M1, meningkat 10.3%. Pertumbuhan M1 yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam permintaan terhadap wang menjelang musim perayaan.


Sistem perbankan kekal teguh dengan paras pemodalan yang kukuh, dan kualiti aset yang kekal stabil. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) meningkat kepada 13.6%, manakala nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan, kekal pada 4.6%.

Kadar faedah secara relatif stabil pada bulan Januari


Pada tempoh 3 Januari – 21 Februari 2006, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil, iaitu 2.98% - 3.01%, dan berpurata pada 3%. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain secara relatif juga stabil. Pada akhir Januari, BLR purata bagi bank perdagangan secara relatif tidak berubah pada 6.21% (akhir Disember 2005: 6.20%). Kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan meningkat sedikit kepada 6.15% (akhir Disember 2005: 6.12%).




Kadar antara bank semalaman purata kekal stabil




Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain juga stabil




BNM menyerap mudah tunai lebihan daripada sistem perbankan



BLR purata bank perdagangan secara relatif kekal tidak berubah




Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit secara relatif stabil pada bulan Januari



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Dis 05	3.01	3.02	3.04	3.08	3.70
Jan 06	3.01	3.03	3.05	3.09	3.70
08 Feb 06	3.01	3.03	3.05	3.09	3.70


Kadar FD bank perdagangan secara relatif tidak berubah




Kadar FD benar 3 bulan adalah negatif pada bulan Januari

Prestasi ringgit

Pada awal tahun 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama, tetapi menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau. Ringgit kukuh berbanding dengan dolar AS dalam keadaan prestasi akaun semasa yang mantap dan aliran masuk modal yang meningkat semula. Sama seperti mata wang serantau lain, ringgit juga dipengaruhi oleh perkembangan mata wang negara-negara G3. Dolar AS lemah dalam pasaran pertukaran asing global disebabkan tanggapan pasaran bahawa ruang untuk kenaikan seterusnya kadar *Fed Funds* menjadi semakin terbatas. Euro juga menyusut nilai berikutan jangkaan bahawa pengetatan dasar monetari dalam kawasan euro akan terus ketinggalan daripada pengetatan dasar monetari di AS. Pada tempoh ini, ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau. Walau bagaimanapun, pada bulan Februari, trend ini berubah. Pada bulan Februari, ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.5-2.0%





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih


RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir tempoh				% Perubahan	
	Dis. 04	Dis. 05	Jan. 06	21 Feb. 2006	Akhir Dis. 04 - 21 Feb. 2006	Akhir Dis. 05 - 21 Feb. 2006
Dolar AS	3.8000	3.7800	3.7510	3.7208	2.1	1.6
Euro	5.1729	4.4867	4.5813	4.4381	16.6	1.1
Paun sterling	7.3169	6.5226	6.6811	6.4855	12.8	0.6
100 yen Jepun	3.7026	3.2229	3.2264	3.1392	17.9	2.7
Dolar Singapura	2.3258	2.2714	2.3092	2.2826	1.9	-0.5
100 baht Thai	9.7636	9.2049	9.6241	9.4375	3.5	-2.5
100 peso Filipina	6.7706	7.1254	7.1512	7.1580	-5.4	-0.5
100 rupiah Indonesia	0.0408	0.0385	0.0400	0.0402	1.6	-4.4
100 won Korea	0.3671	0.3739	0.3862	0.3844	-4.5	-2.7
Renminbi China	0.4591	0.4686	0.4654	0.4624	-0.7	1.3

Inflasi bulan Januari pada 3.2%

Indeks Harga Pengguna (IHP) telah diasaskan semula kepada tahun 2005 daripada tahun 2000 sebelumnya, berikutan semakan kepada kumpulan barangan bagi IHP. Semakan ini dilakukan setiap lima tahun sekali untuk mencerminkan corak penggunaan semasa sektor isi rumah. Dengan menggunakan IHP berasaskan tahun 2005, inflasi teras ialah 3.2% pada bulan Januari 2006 berbanding dengan

3.3% pada bulan Disember 2005 (IHP bagi bulan Disember 2005 telah juga disemak berdasarkan kumpulan barangan IHP yang baru).

Inflasi bulan Januari mencerminkan harga yang lebih rendah bagi kategori pakaian dan kasut, dan komunikasi. Kenaikan harga pengangkutan yang lebih sederhana yang sebahagiannya disebabkan oleh berakhirnya kesan kenaikan kadar tol sebanyak 10% yang dilaksanakan pada bulan Januari 2005. Sementara itu, harga makanan dan minuman bukan minuman keras meningkat pada kadar yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam harga makanan di rumah.




Inflasi bulan Januari pada 3.2%

*Berkuat kuasa bulan Januari 2006, tempoh rujukan asas bagi siri IHP ialah tahun 2005=100

Harga pengeluar meningkat pada bulan Disember

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar tahunan 9.9% pada bulan Disember (November: 5.4%). Kenaikan dalam IHPR disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan dalam kategori berkaitan komoditi, terutamanya berikutan kenaikan harga minyak mentah yang ketara. Walau bagaimanapun, tidak termasuk kategori berkaitan komoditi, IHPR mencatat kenaikan yang lebih rendah sebanyak 1.4% (November 1.6%) disebabkan terutamanya peningkatan yang lebih perlahan dalam kategori barangan perkilangan.



Inflasi PPI sederhana

Wang secara luas berkembang pada kadar pertumbuhan yang lebih perlahan sedikit


M1 atau wang secara kecil, yang merupakan baki urus niaga, meningkat pada kadar tahunan 10.3% pada bulan Januari (Disember: 8.5%). Ini disebabkan terutamanya peningkatan permintaan terhadap wang menjelang musim perayaan. Sementara itu, wang secara luas, M3, berkembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan sedikit, iaitu sebanyak 7.8% (Disember: 8%). Pada asas bulanan, tuntutan bersih terhadap Kerajaan dan operasi luar bersih memberi kesan mengembang atas M3. Tuntutan terhadap sektor swasta hanya mempunyai impak yang amat kecil atas M3, disebabkan pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan diimbangi oleh pengurangan dalam pemegangan sekuriti oleh institusi perbankan.

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**2005**	**Dis 05**	**Jan 06**
M3	68.0	49.7	12.3	5.8
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	-5.5	7.0	3.6
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	45.4	6.5	0.1
Pinjaman	*39.8*	*45.0*	*3.9*	*1.3*
Sekuriti	*-9.2*	*0.4*	*2.5*	*-1.2*
Operasi luaran negeri bersih *	82.0	16.5	-4.6	2.0
Pengaruh lain	-28.7	-6.8	3.4	0.1

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Jumlah deposit dengan sistem perbankan lebih rendah pada bulan Januari

Selepas peningkatan yang ketara pada bulan Disember, jumlah deposit dengan sistem perbankan menurun sebanyak RM1.2 bilion pada bulan Januari (Disember: +RM20 bilion), meskipun jumlah yang digembleng adalah lebih tinggi sebanyak 10.1% pada asas tahunan (Disember: +11%). Pada bulan Januari, peningkatan deposit individu dan Kerajaan Persekutuan diimbangi oleh penurunan deposit institusi kewangan, dan sebahagian kecil oleh perusahaan perniagaan tempatan dan kerajaan negeri. Deposit institusi kewangan yang lebih rendah mencerminkan terutamanya penurunan penempatan antara bank, disebabkan sebahagiannya oleh penurunan deposit antara bank dengan sebuah syarikat kewangan, yang telah diserap oleh bank perdagangan induknya pada bulan itu.

Deposit mengikut Penyimpan

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Okt 05	**Nov 05**	**Dis 05**	**Jan 06**
Kerajaan Persekutuan	-756	-317	358	2,408
Kerajaan Negeri	34	-44	-223	-259
Badan Berkanun [1]	-960	1,056	-62	416
Institusi Kewangan	-7,213	70	11,682	-5,049
Perusahaan Perniagaan	1,236	-287	6,345	-1,779
Individu	1,680	870	2,346	3,052
Lain-lain [2]	543	-279	-449	-23
Jumlah	-5,437	1,069	19,998	-1,234

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing


Deposit mengikut Jenis

(RM juta)


	Perubahan pada tempoh			
	Okt 05	**Nov 05**	**Dis 05**	**Jan 06**
Deposit tetap	-3,177	-1,820	-1,092	-4,603
NID	-8,103	-1,145	6,857	40
Deposit permintaan	1,220	-310	2,748	3,271
Deposit tabungan	199	87	762	1,052
Perjanjian beli balik (Repo)	3,185	1,082	7,211	-4,242
Deposit mata wang asing	665	1,454	-286	-521
Deposit SPI	-13	1,393	4,557	3,531
Lain-lain	587	327	-759	237
Jumlah	-5,437	1,069	19,998	-1,234

Pembiayaan kepada sektor swasta

Pada bulan Januari, pembiayaan kasar kepada sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM46.9 bilion, berkembang pada kadar tahunan 3.9% (Disember: RM53.7 bilion; 3.9%). Selepas mencapai paras yang lebih tinggi pada bulan sebelumnya, pembiayaan kasar menjadi sederhana pada bulan Januari, dalam keadaan pengeluaran pinjaman sistem perbankan dan pemerolehan dana dalam pasaran modal yang lebih rendah disebabkan hari bekerja yang berkurang pada bulan itu. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.5% (Disember: 9.3%).



Pembiayaan kasar sektor swasta berjumlah RM46.9 bilion



Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman menjadi sederhana sedikit


Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Perubahan Tahunan (%)	
	2005	2006	2005	2006
	Disember	Januari	Disember	Januari
Jumlah				
Permohonan pinjaman	22.4	19.7	1.0	-7.7
Kelulusan pinjaman	16.0	14.0	6.7	0.7
Pengeluaran pinjaman	48.8	44.6	-0.2	5.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	5.4	2.0	8.6	9.0
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	10.8	9.6	-6.7	-13.4
Kelulusan pinjaman	8.1	6.5	4.3	-2.5
Pengeluaran pinjaman	33.5	30.7	-3.7	6.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.8	0.5	3.0	4.8
PKS				
Permohonan pinjaman	4.2	2.9	-8.6	-25.4
Kelulusan pinjaman	2.5	2.3	-21.8	-4.0
Pengeluaran pinjaman	10.1	9.2	-2.9	4.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.4	-0.6	8.7	9.0
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	11.5	9.9	14.5	0.9
Kelulusan pinjaman	7.8	7.3	9.5	6.1
Pengeluaran pinjaman	13.2	12.0	9.5	4.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.5	3.0	15.1	14.5

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh

Pengeluaran pinjaman kekal tinggi

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman kekal meliputi semua sektor


Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan dan isi rumah lebih rendah. Walau bagaimanapun, pada asas tahunan kelulusan pinjaman terus meningkat, sementara pengeluaran pinjaman mencatat pertumbuhan yang positif dengan pinjaman yang lebih tinggi dikeluarkan kepada perusahaan perniagaan besar dan PKS.

Pinjaman terkumpul meningkat RM2 bilion dan terus berkembang pada kadar tahunan 9% pada bulan Januari (Disember: +RM5.4 bilion; 8.6%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan berkembang 4.8% (Disember: 3%), dengan pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat 9% (Disember: 8.7%). Sementara itu, pertumbuhan dalam pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah meningkat 14.5% (Disember: 15.1%).

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal meningkat

Pada asas bersih, jumlah yang lebih tinggi sebanyak RM3.3 bilion diperoleh daripada pasaran modal pada bulan Januari (Disember: RM2.4 bilion). Pembiayaan daripada terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) terus aktif, meskipun dana bersih yang diperoleh lebih rendah. Sejumlah 16 syarikat (Disember: 13) memperoleh dana kasar sebanyak RM2.2 bilion, sementara Cagamas Berhad memperoleh RM1 bilion lagi. Sebahagian besar daripada dana yang diperoleh melalui pasaran PDS adalah untuk pembiayaan aktiviti baru dan pembiayaan semula. Kerajaan Persekutuan membuka semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 tahun pada bulan Januari. Aktiviti pembiayaan melalui pasaran ekuiti mencatat jumlah yang lebih kecil sebanyak RM122.4 juta.


Dana Bersih yang diperoleh daripada Pasaran Modal



* Termasuk nota jangka pertengahan

Prestasi KLCI terus meningkat

Sentimen dalam pasaran tempatan meningkat dengan jangkaan prestasi ekonomi yang lebih baik dan perkembangan korporat dalam negeri yang menggalakkan. Pada akhir bulan Januari, KLCI ditutup lebih tinggi pada 914.01 (sejak akhir bulan Disember 2005: +1.6%) dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM713.2 bilion (sejak akhir bulan: +2.6%). Urus niaga purata harian pada bulan itu meningkat dengan ketara kepada 630.1 juta unit (Disember: 278.3 juta unit).




Sentimen yang positif meningkatkan prestasi pasaran

Pada 21 Februari, KLCI ditutup lebih tinggi pada 925.67 (sejak akhir Januari: +1.3%) dengan pemodalan pasaran lebih tinggi pada RM724.5 bilion (sejak akhir Januari: +1.6%). Aktiviti dagangan meningkat dengan ketara dengan urus niaga purata harian pada 1,004.7 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM269.3 bilion atau bersamaan USD71.3 bilion pada 27 Januari 2006. Rizab meningkat kepada RM270.4 bilion atau bersamaan USD71.6 bilion pada 15 Februari 2006. Kedudukan rizab itu memadai untuk membiayai 7.7 bulan import tertangguh dan ialah 6.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.




Sistem perbankan kekal berdaya tahan

Sistem perbankan kekal teguh dengan paras permodalan yang kukuh, sementara kualiti aset kekal stabil. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) masing-masing meningkat kepada 13.6% dan 10.4% pada akhir bulan Januari 2006. Nisbah yang bertambah baik ini disebabkan terutamanya oleh pemasukan keuntungan tertahan. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan kekal pada 4.6%, sementara pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berasaskan klasifikasi 3 bulan meningkat sedikit kepada 5.9%.


Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	2000	2001	2002	2003	2004	Okt 05	Nov 05	Dis 05	Jan 06
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.8	10.2	10.4
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.5	13.8	13.1	13.6
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	5.8	4.7	4.7	4.6	4.6
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,590	24,836	25,138	24,649	24,775
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Paras permodalan kekal kukuh…



…sementara paras NPL kekal stabil.

Bank Negara Malaysia
22 Februari 2006

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Nov 05		Dis 05		Jan 06	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		52.6	7.3	52.6	5.1	60.5	13.4
M1		119.5	7.2	124.0	8.5	132.0	10.3
M2		601.4	15.9	616.2	15.4	629.6	16.6
M3		655.1	8.4	667.3	8.0	673.2	7.8
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		672.6	10.3	692.6	11.0	691.4	10.1
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		552.6	9.0	558.1	8.6	560.1	9.0
Nisbah pinjaman-deposit (%)		79.0		77.5		77.5	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		87.3		85.8		86.2	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		23.1	7.2	22.4	1.0	19.7	-7.7
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		14.0	10.8	16.0	6.7	14.0	0.7
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		41.1	1.9	48.8	-0.2	44.6	5.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		40.2	6.6	43.6	3.2	42.6	-1.5
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.8		13.1		13.6	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.7		4.6		4.6	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		275.3		266.4		269.3	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		73.1		70.5		71.3	
Bilangan bulan import tertangguh		8.1		7.8		7.7	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.00		3.00		3.00	
Antarabank:	Semalaman	2.69 [2.69]		3.00 [3.00]		2.99 [3.00]	
	Seminggu	2.74 [2.74]		3.06 [3.04]		3.05 [3.05]	
	1 bulan	2.89 [2.89]		3.12 [3.11]		3.14 [3.14]	
	3 bulan	2.95 [2.93]		3.20 [3.15]		3.22 [3.21]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.01		3.01	
	3 bulan	3.00		3.02		3.03	
BLR bank perdagangan		5.98		6.20		6.21	
ALR bank perdagangan		5.98		6.12		6.15	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		110.7	3.5	101.5 [2]	3.3	101.8 [3]	3.2
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		162.4	5.4	162.7	9.9	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.77825		3.78		3.7510	
Euro		4.4527		4.4867		4.5813	
Paun Sterling		6.4959		6.5226		6.6811	
100 Yen Jepun		3.1628		3.2229		3.2264	
Dolar Singapura		2.2329		2.2714		2.3092	
100 Baht Thailand		9.1683		9.2049		9.6241	
100 Peso Filipina		6.9793		7.1254		7.1512	
100 Rupiah Indonesia		0.0377		0.0385		0.0400	
100 Won Korea		0.3652		0.3739		0.3862	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	…		-3.4		1.3	
	swasta	2.0		5.7		2.0	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		896.1		899.8		914.0	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		693.0		695.3		713.2	

1 Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.

[2] IHP bagi bulan Disember 2005 telah disemak berdasarkan kepada kumpulan barangan IHP yang baru (2005=100).

[3] Tahun rujukan asas ialah tahun 2005=100.